

Taiwan mohon sijil halal Malaysia bagi perluas pasaran ke OIC

KUALA LUMPUR 20 April - Taiwan akan memohon sijil halal Malaysia bagi produk halal negara tersebut ke arah memperluaskan pengeluaran dan pemasarannya di Asia Tenggara dan negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Timbalan Ketua Perwakilan Hal Ehwal Ekonomi, Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei di Malaysia, Lin Min-Li berkata, ia memandangkan sijil halal Malaysia sangat popular dan diyakini oleh 22 negara OIC serta negara lain.

"Malaysia mempunyai nilai pasaran yang tinggi bagi produk halal memandangkan majoriti rakyatnya beragama Islam.

"Pada masa sama, Malaysia juga menawarkan peluang kerjasama yang besar bagi produk halal yang dilihat sesuai untuk pelaburan asing kerana faktor kestabilan politik dan masyarakat yang berbilang kaum," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Seminar Makanan Taiwan di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Pusat Perdagangan Taiwan Kuala Lumpur, Jessie Tseng dan Timbalan Pengarah Eksekutif Jabatan Pameran



LIN Min-Li (kanan) berbual dengan Tania Hsu (kiri) sambil diperhatikan oleh Jessie Tseng (dua dari kiri) dan Lee Wen-Chen pada Seminar Makanan Taiwan di Hotel Sheraton Imperial di Kuala Lumpur, semalam.

Pembangunan Kebudayaan Taiwan (Taitra), Lee Wen-Chen.

Menurut Min-Li, Taiwan adalah rakan perdagangan Malaysia ketu-

juh terbesar dengan nilai dagangan sebanyak RM50 bilion tahun lalu.

Katanya, industri makanan Taiwan telah bersedia menghasilkan

produk-produk halal berkualiti tinggi berasaskan penggunaan teknologi terkini serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk

baru.

"Produk Taiwan mudah diterima oleh masyarakat di sini kerana mempunyai cita rasa yang hampir serupa dan kemasukan produk Taiwan juga akan meningkatkan kerjasama perdagangan antara kedua-dua negara.

"Oleh itu, kita berharap kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan memperbanyakkan perjanjian kerjasama ekonomi (ECA) dengan Taiwan pada masa depan," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Luar Negara Expomal International Sdn. Bhd., Tania Hsu berkata, pihaknya akan membantu mana-mana industri Taiwan mendapatkan sijil halal tersebut.

"Produk makanan Taiwan sememangnya mempunyai potensi tinggi di pasaran tempatan sebagai contoh air minuman Chaitime yang merupakan produk asli negara itu yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna di negara ini," kata beliau.